

Jawatan Ketua Menteri Sabah 3 kaum dapat

Oleh Manja Ismail dan Agoes Kholil

BH - 2 FEB 1994

giliran

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jawatan Ketua Menteri Sabah akan disandang secara bergilir di kalangan pemimpin tiga kaum terbesar di negeri itu jika Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya negeri.

Menurut Perdana Menteri, jika diberi mandat dalam pilihan raya negeri pada 18 dan 19 Februari ini, Kerajaan BN Sabah akan diterajui secara bergilir daripada kalangan pemimpin Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Katanya, setiap pemimpin kaum terbesar itu mungkin diberi masa dua tahun menjadi Ketua Menteri sebelum digantikan oleh pemimpin kaum lain, supaya setiap kaum di Sabah berpeluang mentadbir negeri ini.

"Ini adalah kali pertama kita memberi pengakuan orang Cina akan dapat menjadi Ketua Menteri. Mungkin tidak lama tetapi Kadazan pun dua tahun, Bumiputera Islam dua tahun, Cina dua tahun.

"Dengan itu kita dapat tentukan semua kaum memainkan fungsi serta mempunyai peluang untuk memimpin kerajaan BN di Sabah," katanya dalam sidang akhbar di akhir lawatan dua harinya ke negeri ini, hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai; Presiden Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Datuk Mark Koding; dan Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Chong Kah Kiat.

Sabah mempunyai tidak kurang 48 suku kaum dengan tiga kumpulan terbesar iaitu Bumiputera bukan Islam seperti Kadazan, Dusun, Murut dan Rungus, Bumiputera Islam (termasuk Bajau, Suluk, Bisaya, Melayu Brunei, Suku Sungai dan Dusun) dan kaum Cina yang kebanyakannya di kawasan bandar.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN mengadakan perjumpaan dengan ketua jabatan dan agensi Persekutuan serta menemui pemimpin parti komponen BN di Sabah.

Dalam sidang akhbar itu, Periana Menteri memperkenalkan tema manifesto BN iaitu 'Sabah Baru Bersama Kami' dan beberapa slogan manifesto yang akan

dilancarkan secara rasmi selepas penamaan calon, 7 Februari ini.

Menurut Dr Mahathir, konsep pengagihan kuasa dengan memberi peluang kepada parti komponen yang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kurang berbanding parti lain, bukan baru kepada BN.

"Di Pulau Pinang sebagai contoh, Ketua Menterinya daripada Gerakan. Kita sanggup bagi pemimpin Gerakan menjadi Ketua Menteri walaupun Adun Gerakan kurang daripada Umno.

"Umno sudah berjanji dan ia tunaikan janji. Di sini, kita juga berjanji akan memberi peluang kepada orang Cina dua tahun (untuk menjadi Ketua Menteri), Kadazan dua tahun dan Melayu/Muslim dua tahun. Ini pendekatan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, semua parti komponen BN di Sabah akan bertanding menggunakan simbol BN, manakala setiap anggota akan menyokong calon dari mana-mana parti komponen.

Menurutnya, mesej yang terkandung dalam manifesto BN nanti ialah BN berhajat mahu membina atau mencipta Sabah Baru iaitu sebuah negeri yang maju setanding negeri lain di Semenanjung dan Sarawak.

"Sabah berpotensi diperbaharui supaya sama maju dengan negeri lain. Untuk itu, kita akan adakan banyak program dan peruntukan bagi Sabah Baru.

"Ini bukan kerana kita tidak suka bekerjasama dengan Kerajaan Sabah yang terdiri daripada pembangkang. Bagaimanapun, sudah pasti ia sukar. Pengalaman sembilan tahun menunjukkan kita sukar bekerjasama dengan PBS.

"Dahulu PBS dalam BN tetapi kita tahu pada 1990, PBS keluar daripada BN sewaktu pilihan raya (umum) sedang berjalan. Orang macam ini sukar nak ditolong. Kalau kita tolong, dia kata dia boleh tadbir negeri tanpa BN.

"Kita boleh tolong setakat yang diperuntukkan undang-undang. Tidak lebih daripada itu. Sebaliknya, kalau BN perintah, segala tenaga akan diguna untuk pembangunan dan Pusat akan membantu sepenuhnya," kata Perdana Menteri.